

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN
46675 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN**

DOKUMEN TAWARAN

**TAJUK :
TAWARAN PENYEWAAN
RUANG PAPARAN IKLAN DI PERTEDUHAN BAS
UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
(PAKEJ 4 : 45 UNIT)
BAGI TEMPOH 3 TAHUN + 3 TAHUN + 3 TAHUN**

**UNTUK PERHATIAN :
PENGARAH,
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN,
TINGKAT 2, IBU PEJABAT,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA,
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

DOKUMEN TAWARAN

**TAWARAN PENYEWAAN
RUANG PAPARAN IKLAN DI PERTEDUHAN BAS UNTUK
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
(PAKEJ 4 : 45 UNIT)
BAGI TEMPOH 3 TAHUN + 3 TAHUN + 3 TAHUN**

PERINGATAN PENTING

**SYARIKAT YANG SILAP MENGISI BORANG TAWARAN
ATAU MELANGGAR MANA-MANA ARAHAN DAN
SYARAT-SYARAT DALAM DOKUMEN TAWARAN INI TIDAK
DIPERTIMBANGKAN**

**SILA BACA DAN FAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR
YANG TERKANDUNG DALAM DOKUMEN TAWARAN INI
SEBELUM MEMBUAT TAWARAN**



Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel. : 03-79563544

**BORANG PENYERTAAN BAGI TAWARAN
PENYEWAAN RUANG PAPARAN IKLAN DI PERTEDUHAN BAS
UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
(PAKEJ 4 : 45 UNIT)
BAGI TEMPOH 3 TAHUN + 3 TAHUN + 3 TAHUN**

Tarikh :	Masa :
----------	--------

Bersama-sama ini, kami kemukakan Borang Penyertaan Tawaran beserta salinan dokumen-dokumen dan resit bayaran proses yang diperlukan oleh Majlis bagi menyertai tawaran tapak paparan iklan luaran di Petaling Jaya.

A. PROFIL SYARIKAT			
1. Nama Syarikat			
2. No. Pendaftaran SSM			
3. Alamat			
4. No. Telefon			
5. No. Faks			
6. Email			
7. Penyata Kewangan	Tahun		
Bank	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)
(a)			
(b)			
(c)			
Jumlah			
8. Pengalaman Dalam Industri Pengiklanan.	_____ Tahun		
9. Pernah Mempunyai Kelulusan Paparan Iklan di MBPJ. ▪ <i>Sila tandakan (/) di ruang berkenaan</i>	Ya		Tidak

B. TAWARAN HARGA			
LOKASI PERTEDUHAN BAS	SAIZ PANEL PAPARAN IKLAN	JENIS IKLAN	KADAR HARGA DITAWARKAN (SETAHUN)
1. JALAN SS 7/15 Bersebelahan Stadium Kelana Jaya – KJV4	Perhentian Bas Jenis Aves (4 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 4880 mm (16') x 1828 mm (6')	STATIK	
2. JALAN SS 7/19 Bertentangan Kondominium Mahkota - KJ1	Perhentian Bas Jenis Aves (4 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 4880 mm (16') x 1828 mm (6')	STATIK	
3. JALAN SS 7/26 Bertentangan Kelana Square – KJ3	Perhentian Bas Jenis Aves (4 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 4880 mm (16') x 1828 mm (6')	STATIK	
4. JALAN SS 7/26 Hadapan Kondominium Puteri – KJ4	Perhentian Bas Jenis Aves (4 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 4880 mm (16') x 1828 mm (6')	STATIK	
5. JALAN PJU 1A/46 Hadapan Blok D PPR Putra Damai – LS3	Perhentian Bas Jenis Aves (4 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 4880 mm (16') x 1828 mm (6')	STATIK	
JUMLAH DIBAWA KE TAWARAN HARGA TAHUN PERTAMA (A)			

LOKASI PERTEDUHAN BAS	SAIZ PANEL PAPARAN IKLAN	JENIS IKLAN	KADAR HARGA DITAWARKAN (SETAHUN)
6. JALAN PJU 1A/46 Hadapan Blok A PPR Putra Damai – LS4	Perhentian Bas Jenis Aves (4 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 4880 mm (16') x 1828 mm (6')	STATIK	
7. JALAN SS 6/3 Hadapan Kompleks Perumahan Polis – KJS1	Perhentian Bas (3 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 3660 mm (12') x 2828 mm (9')	STATIK	
8. JALAN PJU 1A/41 Bertentangan Apartment D'aman Crimson	Perhentian Bas (3 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 3660 mm (12') x 2828 mm (9')	STATIK	
9. JALAN BUKIT MAYANG EMAS Berdekatan Simpang Jalan PJU 1/35	Perhentian Bas (3 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 3660 mm (12') x 2828 mm (9')	STATIK	
10. JALAN MAJLIS Depan Telekom - MJ6	Perhentian Bas (3 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 3660 mm (12') x 2828 mm (9')	STATIK	
JUMLAH DIBAWA KE TAWARAN HARGA TAHUN PERTAMA (B)			

LOKASI PERTEDUHAN BAS	SAIZ PANEL PAPARAN IKLAN	JENIS IKLAN	KADAR HARGA DITAWARKAN (SETAHUN)
11. JALAN SS 5/2 Bersebelahan Kompleks Perumahan Polis – KJF3	Perhentian Bas (4 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 4880 mm (16') x 1828 mm (6')	STATIK	
12. JALAN PJU 1A/3 Hadapan Kawasan Perumahan – DRA3	Perhentian Bas (4 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 4880 mm (16') x 1828 mm (6')	STATIK	
13. JALAN MAJLIS Bertentangan Jalan SS 5A/8 - MJ7	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
14. JALAN SS 5/1 Hadapan Rumah No. 157 – KJF1	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
15. JALAN SS 5/1 Berhampiran 7 Eleven – KJF2	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
JUMLAH DIBAWA KE TAWARAN HARGA TAHUN PERTAMA (C)			

LOKASI PERTEDUHAN BAS	SAIZ PANEL PAPARAN IKLAN	JENIS IKLAN	KADAR HARGA DITAWARKAN (SETAHUN)
16. JALAN SS 5/2 Bertentangan Kompleks Perumahan Polis – KJF4	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
17. JALAN SS 8/39 Hadapan PJ 21 – SWE1	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
18. JALAN SS 8/39 Bertentangan PJ 21 – SWE2	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
19. JALAN SS 8/39 Berhampiran Kuil Hindu – SWE3	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
20. JALAN SS 9A/1 Bersebelahan SKJ China Sg Way – SWN1	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
JUMLAH DIBAWA KE TAWARAN HARGA TAHUN PERTAMA (D)			

LOKASI PERTEDUHAN BAS	SAIZ PANEL PAPARAN IKLAN	JENIS IKLAN	KADAR HARGA DITAWARKAN (SETAHUN)
21. JALAN SS 9A/14 Berhampiran Balai Polis Sg Way – SWN2	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
22. JALAN SS 9A/14 Hadapan Loongs Hardware – SWN3	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
23. JALAN SS 21/56 Hadapan Bangunan TF – DU2	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
24. JALAN SS 21/56 Hadapan Rumah No. 10 – DU3	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
25. JALAN SS 22/41 Bertentangan Kolej KDU – DJ1	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
JUMLAH DIBAWA KE TAWARAN HARGA TAHUN PERTAMA (E)			

LOKASI PERTEDUHAN BAS	SAIZ PANEL PAPARAN IKLAN	JENIS IKLAN	KADAR HARGA DITAWARKAN (SETAHUN)
26. JALAN SS 22/48 Hadapan Atria Shopping, Centre West Wing – DJ7	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
27. JALAN SS 22/48 Bersebelahan SK Damansara Jaya – DJ8	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
28. JALAN SS 25/23 Hadapan Public Bank – TYF1	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
29. JALAN 21/1 Hadapan Kedai Advance Vission – DU1	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
30. JALAN PJU 1A/5 Hadapan Apartment Si Ara – DRA1	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
JUMLAH DIBAWA KE TAWARAN HARGA TAHUN PERTAMA (F)			

LOKASI PERTEDUHAN BAS	SAIZ PANEL PAPARAN IKLAN	JENIS IKLAN	KADAR HARGA DITAWARKAN (SETAHUN)
31. JALAN PJU 1A/20 Berdekatan Stesen Petronas – DRA2	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
32. JALAN PJU 1A/3 Hadapan Kondominium Maisson – DRA4	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
33. JALAN PJU 1A/1 Hadapan Kawasan Kedai – DRA5	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
34. JALAN PJU 1A/46 Bertentangan RapidKL – LS1	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
35. JALAN BUKIT MAYANG EMAS Hadapan Dataran Prima – BME1	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
JUMLAH DIBAWA KE TAWARAN HARGA TAHUN PERTAMA (G)			

LOKASI PERTEDUHAN BAS	SAIZ PANEL PAPARAN IKLAN	JENIS IKLAN	KADAR HARGA DITAWARKAN (SETAHUN)
36. JALAN BUKIT MAYANG EMAS Bertentangan Kondominium Dataran Prima – BME2	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
37. JALAN BUKIT MAYANG EMAS Hadapan Kondominium Dataran Prima – BME3	Perhentian Bas (5 Panel) Ukuran Panel Iklan: 1220 mm (4') x 1828 mm (6') Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: 6100 mm (20') x 1828 mm (6')	STATIK	
38. JALAN SS 5/1 Bertentangan Kompleks Kastam	Perhentian Bas (Tiada Panel) Ukuran Panel Iklan: Tiada Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: Tiada	STATIK	
39. JALAN SS 5/2 Bertentangan SRK Kelana Jaya	Perhentian Bas (Tiada Panel) Ukuran Panel Iklan: Tiada Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: Tiada	STATIK	
40. JALAN SS 5A/14 Hadapan Rumah No. 50	Perhentian Bas (Tiada Panel) Ukuran Panel Iklan: Tiada Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: Tiada	STATIK	
JUMLAH DIBAWA KE TAWARAN HARGA TAHUN PERTAMA (H)			

LOKASI PERTEDUHAN BAS	SAIZ PANEL PAPARAN IKLAN	JENIS IKLAN	KADAR HARGA DITAWARKAN (SETAHUN)
41. JALAN SS 6/3 Bertentangan Perumahan Kastam	Perhentian Bas (Tiada Panel) Ukuran Panel Iklan: Tiada Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: Tiada	STATIK	
42. JALAN SS 6/3 Bertentangan Angkasa	Perhentian Bas (Tiada Panel) Ukuran Panel Iklan: Tiada Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: Tiada	STATIK	
43. JALAN BUKIT MAYANG EMAS Bertentangan Dataran Prima	Perhentian Bas (Tiada Panel) Ukuran Panel Iklan: Tiada Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: Tiada	STATIK	
44. JALAN MASJID Hadapan SMK Bandar Utama	Perhentian Bas (Tiada Panel) Ukuran Panel Iklan: Tiada Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: Tiada	STATIK	
45. JALAN MASJID Hadapan SK Bandar Utama Damansara 2	Perhentian Bas (Tiada Panel) Ukuran Panel Iklan: Tiada Ukuran Keseluruhan Panel Iklan: Tiada	STATIK	
JUMLAH DIBAWA KE TAWARAN HARGA TAHUN PERTAMA (I)			RM
JUMLAH KESELURUHAN TAWARAN HARGA TAHUN PERTAMA (A+B+D+E+F+G+H+I)			RM

HARGA TAWARAN KESELURUHAN

BIL	RINGKASAN KUANTITI	TAHUN 1 (RM)	TAHUN 2 (RM)	TAHUN 3 (RM)
1.	PAKEJ 4			
JUMLAH KESELURUHAN / 3 TAHUN				

NOTA :

- (i) *Syarikat hendaklah mengisi kadar harga yang ditawarkan bagi kesemua 45 unit perteduhan bas di atas.*
- (ii) *Tawaran paparan iklan adalah jenis statik, MBPJ akan mempertimbangkan cadangan bagi paparan iklan jenis digital dan struktur iklan di atas bumbung dengan mengambilkira lokasi, syarat-syarat kelulusan berkaitan dan garis panduan paparan iklan digunapakai oleh MBPJ serta bayaran-bayaran yang telah ditetapkan.*
- (iii) *Harga yang ditawarkan adalah tertakluk kepada harga 'reserve' iaitu sewa tapak minimum sebanyak RM 3,000 setahun untuk 1 unit perteduhan bas bagi iklan jenis "statik" dan Syarikat tidak dibenarkan untuk menawarkan harga yang lebih rendah daripada harga 'reserve' yang telah ditetapkan.*
- (iv) *MBPJ akan melantik Syarikat yang berjaya berdasarkan kriteria pemilihan yang telah ditetapkan oleh MBPJ.*
- (v) *Syarikat perlu menjelaskan bayaran-bayaran yang telah ditetapkan oleh MBPJ sebelum kerja-kerja pemasangan iklan dimulakan. Bayaran tersebut perlu dijelaskan mengikut Jabatan yang berkaitan seperti permohonan kelulusan Kebenaran Merancang (Jabatan Perancangan Pembangunan), Permit Struktur (Jabatan Kawalan Bangunan) dan Lesen Iklan (Jabatan Perlesenan).*

C. KEPERLUAN DOKUMEN				
1. Satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)		Ada		Tidak
2. Satu (1) salinan Laporan Profil Syarikat		Ada		Tidak
3. Satu (1) salinan Borang 24		Ada		Tidak
4. Satu (1) salinan Borang 49		Ada		Tidak
5. Satu (1) salinan Penyata Kewangan Syarikat bulan Disember bagi tahun 2018, 2019 dan 2020.		Ada		Tidak
6. Satu (1) salinan Surat Kelulusan dan Lesen Iklan terkini daripada MBPJ (Jika Berkaitan)		Ada		Tidak
7. Satu (1) salinan resit bayaran "Deposit Penyertaan Tawaran" (dalam bentuk Deraf Bank / Jaminan Bank)				RM 5,000.00

- **Sila tanda (/) di ruangan kosong.**

D. PENGESAHAN

Kami telah mengambil maklum dan **BERSETUJU** dengan perkara-perkara seperti berikut :-

1. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak Syarikat adalah tepat, benar dan terkini. MBPJ berhak membatalkan penyertaan dan keputusan tawaran ini sekiranya maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak Syarikat tidak tepat dan tidak lengkap.
2. Tawaran ruang iklan ini adalah hanya dibenarkan kepada ruang panel dan iklan di atas bumbung perteduhan bas sahaja mengikut lokasi, bilangan unit, saiz dan permukaan ruang paparan iklan yang telah ditetapkan oleh MBPJ.
3. Syarikat yang berjaya dalam tawaran ini dikehendaki mengemukakan permohonan paparan iklan di perteduhan bas yang melibatkan panel perteduhan bas, pemasangan LED panel, pemasangan iklan di bumbung perteduhan bas dan lain-lain berkaitan paparan iklan di perteduhan bas dan mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (Jabatan Perancangan Pembangunan), Permit Struktur (Jabatan Kawalan Bangunan) dan Lesen Iklan (Jabatan Perlesenan) dari MBPJ serta menyerahkan satu salinan kelulusan kepada Pegawai Penguasa MBPJ. Pihak Syarikat perlu menjelaskan bayaran-bayaran yang ditetapkan dan mematuhi kepada semua syarat-syarat kelulusan berkaitan.

4. Tawaran bagi perteduhan bas yang berada di lokasi dalam rizab lebuhraya atau rizab utiliti lain yang tidak / belum diwartakan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (KTN) pula adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) atau pihak berkuasa berkaitan.

Selepas menerima tawaran daripada MBPJ, Syarikat perlu memohon sendiri dan mendapatkan persetujuan daripada pihak LLM atau pihak yang berkaitan.

Tawaran ini dengan sendirinya terbatal sekiranya persetujuan daripada pihak LLM dan pihak berkuasa berkaitan tidak diperolehi atau ditolak. Syarikat perlu menyerahkan satu salinan surat kelulusan kepada Pegawai Penguasa MBPJ terlebih dahulu.

Hanya selepas memperolehi persetujuan/kelulusan daripada pihak LLM atau pihak berkuasa berkaitan sahaja, Syarikat boleh mengemukakan permohonan kebenaran merancang, permit struktur dan lesen iklan untuk kelulusan MBPJ seterusnya, menjelaskan semua bayaran yang telah ditetapkan dan menandatangani perjanjian penyewaan ruang paparan iklan di perteduhan bas.

5. Hanya tiga (3) Syarikat yang mempunyai markah tertinggi sahaja layak untuk menghadiri sesi temuduga.

6. Pemilihan Syarikat bagi tawaran penyewaan ruang paparan iklan yang melibatkan panel perteduhan bas, pemasangan LED panel, pemasangan iklan di atas bumbung perteduhan bas serta lain-lain berkaitan paparan iklan perteduhan bas di lokasi yang ditawarkan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan budi bicara MBPJ. Keputusan MBPJ adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

7. MBPJ berhak dari masa ke semasa selepas proses penilaian dan / atau selepas keputusan pemilihan syarikat dibuat meminta salinan apa-apa dokumen dan mengenakan apa-apa syarat tambahan.

8. Syarikat yang berjaya menerima tawaran daripada MBPJ dikehendaki menjelaskan wang Deposit Sewa ruang paparan iklan iaitu tiga (3) bulan sewa seperti yang dipersetujui dalam Syarat-Syarat Kontrak Tawaran sebelum penyewaan ruang paparan iklan di perteduhan bas MBPJ dimulakan. Deposit Sewa ruang paparan iklan hanya boleh dikemukakan dalam bentuk deraf bank atau jaminan bank sahaja. Jaminan insuran tidak diterima.

9. Syarikat setuju menandatangani surat aku janji yang dimeterai oleh Suruhanjaya Sumpah untuk tidak mengambil apa-apa tindakan saman dan tuntutan gantirugi kepada MBPJ bagi sebarang implikasi yang timbul dan kerugian yang ditanggung disebabkan persetujuan daripada pihak LLM atau pihak berkuasa yang berkenaan tidak diperolehi atau ditolak dan / atau lain-lain sebab tawaran ini tidak dapat dilaksanakan.

DOKUMEN A1 :
SYARAT-SYARAT KONTRAK TAWARAN
PENYEWAAN RUANG PAPARAN IKLAN DI
PERTEDUHAN BAS UNTUK
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
(PAKEJ 4 : 45 UNIT)
BAGI TEMPOH 3 TAHUN + 3 TAHUN + 3 TAHUN

SYARAT-SYARAT KONTRAK TAWARAN PENYEWAAN RUANG PAPARAN IKLAN DI PERTEDUHAN BAS UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (PAKEJ 4 : 45 UNIT) BAGI TEMPOH 3 TAHUN + 3 TAHUN + 3 TAHUN.

1.0 TUJUAN TAWARAN

- 1.1 Tawaran penyewaan ruang paparan iklan untuk 45 unit (Pakej 4) perteduhan bas Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tempoh **3 TAHUN + 3 TAHUN + 3 TAHUN**.

2.0 TEMPOH SAH TAWARAN

- 2.1 Tawaran hendaklah terus sah selama **90 HARI DARIPADA TARIKH PENAWARAN DIBUKA** dari tarikh akhir penyerahan. Syarikat **TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI** menarik diri di dalam Tempoh Sah tawaran atau enggan menerima tawaran setelah penawaran diberikan kepadanya. Sekiranya ianya berlaku **TINDAKAN SENARAI HITAM** akan diambil terhadap Syarikat oleh pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

3.0 KELAYAKAN MENYERTAI TAWARAN

- 3.1 Tawaran ini hanya terbuka kepada semua Syarikat Pengiklanan yang aktif dan berminat dengan keupayaan kewangan yang baik.

4.0 HARGA TAWARAN

- 4.1 **Syarikat diminta meletakkan jumlah harga** tawaran untuk setiap ruang iklan di lokasi perteduhan bas di keseluruhan pada ruangan jumlah dalam borang yang disediakan.
- 4.2 Harga yang ditawarkan adalah tertakluk kepada harga 'reserve' iaitu sewa ruang iklan minimum **sebanyak RM 3,000 setahun untuk 1 unit perteduhan bas** bagi iklan jenis "statik" dan Syarikat tidak dibenarkan untuk menawarkan harga yang lebih rendah daripada harga 'reserve' yang telah ditetapkan. Syarikat yang berjaya adalah berdasarkan kriteria pemilihan yang telah ditetapkan oleh MBPJ.
- 4.3 **Syarikat** hendaklah menjelaskan bayaran "Deposit Penyertaan Tawaran" dalam bentuk Deraf Bank / Jaminan Bank sahaja iaitu sebanyak RM 5,000. "Deposit Penyertaan Tawaran" tersebut akan dikembalikan semula kepada ke semua Syarikat selepas keputusan tawaran dikeluarkan.

- 4.4 **Syarikat** dinasihatkan untuk membuat lawatan ke ruang paparan iklan di perteduhan bas dan melihat sendiri keadaan sediaada untuk mendapatkan maklumat atau gambaran yang lebih tepat **sebelum membuat tawaran** (Sila rujuk Dokumen A2 : Senarai Perteduhan Bas). **MBPJ** tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan atau kerugian oleh Syarikat Pengiklanan berkaitan dengan lawatan untuk memeriksa tapak cadangan.
- 4.5 Segala pindaan ke atas butir-butir dan harga yang dikemukakan di dalam Borang Penyertaan Tawaran yang diterima selepas tarikh tawaran ditutup tidak akan dilayan sama sekali.

5.0 PENERIMAAN TAWARAN

- 5.1 **MBPJ** tidak terikat untuk menerima cadangan tawaran yang paling tinggi harganya dan mempunyai hak memberi tawaran kepada seseorang atau sebarang Syarikat Pengiklanan. Sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad dan tiada sebarang rayuan mengenainya boleh dipertimbangkan.
- 5.2 **Syarikat** hendaklah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, membaikpulih dan tindakan ke atas aduan-aduan kerosakan bagi keseluruhan jumlah perteduhan mengikut pakej di dalam perjanjian dengan kos yang ditanggung oleh Syarikat sepanjang tempoh kontrak.
- 5.3 Tawaran penyewaan ruang paparan iklan di perteduhan bas adalah mengikut Pakej yang berasingan seperti berikut:-
- Pakej 1 – 45 Unit Perteduhan Bas.
 - Pakej 2 – 45 Unit Perteduhan Bas.
 - Pakej 3 – 45 Unit Perteduhan Bas.
 - Pakej 4 – 45 Unit Perteduhan Bas.
 - Pakej 5 – 45 Unit Perteduhan Bas.
 - Pakej 6 – 16 Unit Perteduhan Bas. (*Rizab Lebuhraya*)

6.0 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN KEPADA SYARIKAT PENGIKLANAN YANG BERJAYA

6.1 **Syarikat yang berjaya** dikehendaki melaksanakan perkara-perkara seperti berikut sebelum kerja-kerja penyewaan ruang paparan iklan di perteduhan bas boleh dimulakan.

6.1.1 Menjelaskan Bayaran Sewa Tahunan.

- (i) **Syarikat** yang berjaya perlu menjelaskan bayaran sewaan tahunan dalam bentuk Deraf Bank kepada **MBPJ** sebelum kerja-kerja penyewaan ruang paparan iklan dimulakan. Bayaran sewa bagi tahun berikutnya perlu dijelaskan selewatnya sebulan sebelum mengikut tarikh lantikan seperti di dalam Dokumen Perjanjian.

6.1.2 Menjelaskan Deposit Sewa Ruang Paparan Iklan.

- (i) Jumlah deposit yang diperlukan adalah bersamaan dengan tiga (3) bulan sewa sebelum penyewaan ruang paparan iklan di perteduhan bas **MBPJ** dimulakan. Deposit sewa ruang paparan iklan hanya boleh dikemukakan dalam bentuk **Deraf Bank atau Jaminan Bank sahaja. Jaminan Insuran tidak diterima.**
- (ii) Tempoh jaminan bank hendaklah selama 36 bulan dan dilanjutkan lagi bagi tempoh 12 bulan.
- (iii) Jaminan bank akan dikembalikan selepas dua belas (12) bulan dari tarikh tamat tempoh kontrak setelah mengambilkira keadaan terkini perteduhan bas. Sebarang kerosakan dan kos membaikpulih akan dituntut daripada Deposit Sewa ruang paparan iklan sekiranya ada.

6.1.3 Polisi Insuran

- (i) **Syarikat** bertanggungjawab menanggung semua risiko kemalangan terhadap perteduhan bas dengan mengemukakan polisi-polisi Insuran seperti Insuran Kerja, Insuran Terhadap Kecederaan Seseorang Serta Kerosakan Terhadap Harta Benda dan Insuran Pampasan Pekerja dan/atau nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) dan selain itu hendaklah mengemukakan resit premium asal yang telah dibayar atau sumbangan yang telah dibuat untuk diperiksa.

- 6.2 **Syarikat** yang telah dilantik juga perlu menunjukkan prestasi yang baik sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa. Syarikat Pengiklanan yang gagal menunjukkan prestasi yang baik bagi 3 tahun pertama, kontrak tidak akan dipertimbangkan untuk dilanjutkan kontrak bagi 3 tahun berikutnya.
- 6.3 **Syarikat** yang menunjukkan prestasi kerja yang baik dan menjelaskan sewaan dan bayaran-bayaran seperti yang disyaratkan sahaja layak dipertimbangkan untuk dilanjutkan tempoh kontrak bagi tempoh 3 tahun berikutnya.
- 6.4 Setiap tahun ke 3 kontrak, **MBPJ** berhak menilai semula kontrak / menaikkan kadar sewaan berdasarkan keadaan pasaran semasa. **MBPJ** tidak terikat untuk memilih **Syarikat** yang sama dan berhak untuk mempertimbangkan permohonan daripada **Syarikat** yang menawarkan tawaran yang lebih tinggi daripada kontrak sediaada.
- 6.5 **Syarikat** hendaklah menyerahkan satu laporan inventori bergambar berkenaan keadaan semasa ruang paparan iklan di perteduhan bas mengikut format yang ditetapkan oleh **MBPJ** sebelum tempoh penyewaan bermula.
- 6.6 **Syarikat** yang gagal menjelaskan bayaran sewa mengikut kadar tahunan yang telah ditetapkan boleh ditamatkan kontrak oleh **MBPJ** pada bila-bila masa. Bayaran tunggakan sewa akan dituntut daripada Deposit Sewa ruang paparan iklan yang dikemukakan oleh Syarikat.

7.0 DOKUMEN PERJANJIAN

- 7.1 **Syarikat** perlu menandatangani perjanjian penyewaan ruang paparan iklan di perteduhan bas dengan **MBPJ**. Syarat-syarat seperti di atas akan menjadi sebahagian daripada syarat perjanjian.
- 7.2 Duti setem dan perbelanjaan peguam yang akan dikenakan di atas dokumen perjanjian sewaan adalah tanggungjawab **Syarikat** yang berjaya.

8.0 PENARIKAN DIRI SYARIKAT SEBELUM TAMAT TEMPOH KONTRAK

- 8.1 **Syarikat** dikehendaki mengemukakan surat penarikan diri dalam tempoh tidak kurang dari 3 bulan dengan syarat-syarat seperti berikut :-
- (i) **Syarikat** digulung atau diisytiharkan terbubar mengikut proses perundangan.
 - (ii) **Syarikat** mempunyai alasan atau sebab munasabah yang akan dipertimbangkan oleh **MBPJ**.

- (iii) **Syarikat** perlu memastikan keadaan semua ruang perteduhan bas dalam keadaan baik, bersih, sempurna dan tiada sebarang iklan dipaparkan.
- (iv) **Syarikat** hendaklah mengosongkan dan menanggalkan sebarang struktur tambahan yang telah dipasang di perteduhan bas seperti struktur iklan di atas bumbung perteduhan bas, iklan digital atau lain-lain.

8.2 Deposit Sewa ruang paparan iklan tidak akan dipulangkan.

9.0 PENAMATAN KONTRAK

- 9.1 **Datuk Bandar** atau **MBPJ** adalah berhak untuk membuat penamatan awal kepada kontrak dengan memberi notis penamatan awal selama tiga puluh (30) hari kepada **Syarikat**.
- 9.2 **DATUK BANDAR** atau **MBPJ** berhak untuk membuat penamatan awal dengan mengemukakan kepada **Syarikat**, notis bertulis **tiga puluh (30) hari** dan berkuatkuasa setelah tamatnya tempoh notis, tentang hasratnya untuk menamatkan **kontrak** dalam keadaan tidak berlakunya sebarang pelanggaran mana-mana terma atau syarat **kontrak** ini tanpa kewajipan untuk memberikan sebab-sebab penamatan, sekiranya penamatan tersebut adalah demi kepentingan nasional, di atas keperluan keselamatan nasional, pertukaran polisi kerajaan (Negeri atau Persekutuan) atau polisi awam dan bagi maksud klausa ini, apa yang merangkumi “kepentingan nasional”, “keperluan keselamatan nasional”, “polisi kerajaan (Negeri atau Persekutuan)” dan “polisi awam” akan hanya dibuat dan ditentukan oleh **MBPJ** dan penentuan tersebut untuk apa-apa niat dan tujuan adalah muktamad dan mutlak serta tiada boleh dicabar dalam apa-apa juga keadaan.
- 9.3 **MBPJ** berhak menamatkan kontrak sekiranya **Syarikat** gagal menjelaskan bayaran sewaan tahunan dan lain-lain bayaran atau tanggungan kos yang telah ditetapkan. Bayaran tunggakan sewa akan dituntut daripada Deposit Sewa yang dikemukakan oleh **Syarikat**.
- 9.4 **MBPJ** berhak di dalam keadaan di mana berlakunya penamatan awal seperti yang disebut di dalam Perkara 9.1, 9.2 dan 9.3 di atas, mengambilalih kesemua kawasan dan ruang perteduhan bas dan kerja-kerja kontrak tersebut dan berhak melantik mana-mana syarikat bagi melaksanakan kontrak tersebut.
- 9.5 Di dalam keadaan di mana berlakunya penamatan awal seperti yang dibuat di dalam Perkara 9.1, 9.2 dan 9.3 di atas, maka **MBPJ** adalah tidak boleh dianggap sebagai telah melanggar syarat dan terma kontrak ini dan **Syarikat** adalah tidak berhak menuntut sebarang apa-apa gantirugi, kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh **Syarikat** terhadap **MBPJ** akibat daripada penamatan awal kontrak.

Penamatan awal kontrak juga boleh dilaksanakan sekiranya :-

- (i) **Syarikat** telah melanggar atau mengingkari mana-mana syarat atau terma atau spesifikasi skop kerja kontrak ini;
- (ii) **Syarikat** menamatkan atau meninggalkan Kontrak sebelum tamat keseluruhan tempoh kontrak ini;
- (iii) **Syarikat** digulung atau diisytiharkan terubur secara proses perundangan;
- (iv) **Syarikat** telah gagal meremedikan kelakuan pecah syarat setelah notis diberi oleh **MBPJ** untuk meremedikan kegagalannya.

10.0 KESAN PENAMATAN KONTRAK

- 10.1 Segala kuasa dan hak yang diberikan kepada pihak-pihak menurut kontrak ini dan semua obligasi yang ditetapkan di dalam kontrak ini hendaklah terhenti berkuatkuasa pada tarikh penamatan yang dimaksudkan.
- 10.2 **Syarikat** hendaklah mengemukakan kepada **MBPJ** laporan bergambar atau butir-butir lengkap mengenai pelaksanaan kerja dan keadaan ruang paparan iklan di perteduhan bas yang telah dibuat dibawah kontrak ini setakat tarikh kontrak terhenti.
- 10.3 **MBPJ** berhak di dalam keadaan dimana kontrak telah tamat dan ditamatkan, mengambil alih kesemua kawasan dan kerja-kerja kontrak tersebut dan berhak melantik mana-mana syarikat bagi melaksanakan kerja-kerja kontrak tersebut dan memperbaiki sebarang kerosakan.

SYARAT-SYARAT AM

1.0 PENAWARAN

- (i) **MBPJ** akan menawarkan penyewaan ruang paparan iklan di perteduhan bas Majlis Bandaraya Petaling Jaya kepada Syarikat Pengiklanan yang berminat.
- (ii) **MBPJ** selaku penyedia ruangan paparan iklan di perteduhan bas akan bertanggungjawab melantik Syarikat yang layak untuk menjual ruang iklan di perteduhan bas.

2.0 TEMPOH KONTRAK

- (i) Kontrak **HAK PENYEWAAN** ruang paparan iklan di perteduhan bas adalah selama **tempoh 3 tahun + 3 tahun + 3 tahun** akan diberikan kepada Syarikat yang layak tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang terkandung di dalam syarat ini.
- (ii) Walau bagaimanapun, sekiranya **Syarikat** didapati gagal menunjukkan prestasi kerja yang memuaskan seperti yang ditetapkan di dalam syarat, **MBPJ** berhak menamatkan kontrak ini.
- (iii) Kontrak akan terbatal tanpa sebarang notis awal dikeluarkan jika **Syarikat** gagal mematuhi syarat-syarat dan keperluan yang ditetapkan oleh **MBPJ**.
- (iv) **MBPJ** boleh mengikut budibicara untuk melanjutkan tempoh kepada **Tiga (3) tahun** lagi dan **MBPJ** boleh mengenakan apa-apa syarat tambahan selain dari apa yang terkandung dalam syarat sediaada ini.
- (v) Jika **MBPJ** memilih tidak melanjutkan tempoh kontrak tersebut kontrak ini akan tamat selepas tempoh yang dinyatakan kecuali ianya telah tamat awal.
- (vi) Apa-apa lanjutan kontrak ini hanya berkuatkuasa sekiranya ia dibuat secara bertulis dan disampaikan kepada **Syarikat** sebelum tamat tempoh kontrak ini dan keputusan **MBPJ** adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana Mahkamah.

3.0 HARGA

- (i) Harga yang ditawarkan adalah tertakluk kepada harga 'reserve' iaitu sewa ruang paparan iklan minimum sebanyak RM 3,000 setahun untuk 1 unit perteduhan bas bagi iklan jenis "statik" dan Syarikat tidak dibenarkan untuk menawarkan harga yang lebih rendah daripada harga 'reserve' yang telah ditetapkan.

4.0 PENYETUJUAN

- (i) **MBPJ** tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu tawaran yang berasingan.

5.0 PENYEWAAN RUANG IKLAN DI PERTEDUHAN BAS PETALING JAYA

- (i) Pengiklanan hanya dibenarkan kepada ruang panel dan iklan di atas bumbung perteduhan bas sahaja.
- (ii) Bagi struktur paparan iklan di atas bumbung perteduhan bas, pihak Syarikat Pengiklanan / pemohon perlu merujuk kepada Jabatan Kawalan Bangunan terlebih dahulu bagi mendapatkan kelulusan Permit Struktur selain memastikan iklan yang dipasang di bumbung berkeadaan baik dan tidak mudah tertanggal serta menggunakan material iklan yang bersesuaian.
- (iii) **Syarikat** perlu mengemukakan tawaran paparan iklan jenis statik, walaubagaimanapun **MBPJ** akan mempertimbangkan cadangan permohonan berasingan bagi paparan iklan jenis digital dengan mengambilkira lokasi, garis panduan paparan iklan yang digunapakai oleh MBPJ serta perlu menjelaskan bayaran-bayaran yang ditetapkan dan mematuhi kepada semua syarat-syarat kelulusan berkaitan.

6.0 MATERIAL PAPARAN IKLAN

- (i) **Syarikat** yang dilantik perlu menggunakan material “High Quality Vinyl Sticker” sebagai *material* paparan iklan di perteduhan bas. Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan. Jika Syarikat ingin menggunakan *material* yang berlainan jenis seperti di atas, Syarikat perlulah mendapatkan ulasan bertulis terlebih dahulu daripada **MBPJ** sebelum kerja-kerja pemasangan iklan dijalankan.
- (ii) **Syarikat** yang dilantik perlu memastikan *material* paparan iklan tidak mudah koyak, tertanggal dan pudar warna sepanjang tempoh paparan iklan. Sekiranya *material* paparan iklan didapati koyak, tertanggal dan pudar, **Syarikat** bertanggungjawab untuk menukar kepada paparan iklan yang baru.

7.0 KERJA PENCETAKAN & PEMASANGAN PAPARAN IKLAN

- (i) **Syarikat** yang dilantik akan melakukan kerja-kerja pencetakan dan pemasangan bahan iklan yang ingin dipaparkan di kesemua panel ruangan iklan di perteduhan bas.

- (ii) Kerja-kerja pemasangan bahan iklan perlu dilakukan di luar waktu operasi perkhidmatan bas. (Waktu Operasi Perkhidmatan bas 6.00 pagi hingga 9.00 malam).
- (iii) **Syarikat** perlulah mematuhi polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan menghadiri kursus *Permit to Work* sebelum kerja-kerja pemasangan iklan dijalankan.
- (iv) Bagi kerja-kerja pemasangan iklan di bumbung perteduhan bas, **Syarikat** perlu memohon Permit Struktur daripada Jabatan Kawalan Bangunan MBPJ. Satu salinan Permit yang telah diluluskan dan dikeluarkan perlu diserahkan kepada **MBPJ** sebelum kerja-kerja dijalankan.

8.0 KERJA PENYELENGGARAAN PAPARAN IKLAN

- (i) **Syarikat** yang dilantik akan melakukan kerja-kerja penyelenggaraan, membaikpulih paparan iklan di kesemua panel ruang paparan iklan **MBPJ** dan mengambil tindakan ke atas aduan-aduan kerosakan bagi keseluruhan jumlah perteduhan mengikut pakej seperti yang ditawarkan di dalam kontrak.
- (ii) **Syarikat** yang dilantik perlu memantau secara berkala untuk memastikan paparan iklan yang dipasang di kesemua panel ruang paparan iklan di perteduhan bas Petaling Jaya dalam keadaan yang baik dan perlu bertanggungjawab dan membaikpulih dengan kadar yang segera jika terdapat sebarang kerosakan atau aduan berkaitan perteduhan bas yang diiklankan.
- (iii) Kerja-kerja penyelenggaraan bahan iklan perlu dilakukan di luar waktu operasi perkhidmatan bas.
- (iv) Kos penyelenggaraan, membaikpulih dan tindakan ke atas aduan-aduan kerosakan perlu ditanggung oleh **Syarikat** sepanjang tempoh kontrak. Tindakan adalah seperti berikut:-

TINDAKAN PIHAK SYARIKAT PENGIKLANAN	TINDAKAN PIHAK MBPJ
<p>Kerosakan/vandalisme/aduan yang melibatkan struktur perteduhan bas seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Rangka perteduhan bas. ii) Bumbung. iii) Bangku. iv) Paparan iklan samada panel atau struktur iklan di atas bumbung. v) Lantai. vi) Railing/Boulard. vii) Lampu/Elektrikal. 	<p>Kerja-kerja penyelenggaraan yang melibatkan persekitaran perteduhan bas seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pengambilan sampah di dalam tong sampah. ii) Pembersihan sampah sarap di persekitaran perteduhan bas. iii) Pembersihan dari segi landskap. iv) Membaikpulih lampu jalan berhampiran perteduhan bas.

9.0 PEMERIKSAAN

- (i) **MBPJ** selaku penyedia ruang paparan iklan di perteduhan bas sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) **Syarikat** hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
- (iii) **MBPJ** berhak mengarahkan sesuatu paparan iklan diturunkan, dialihkan atau dipindahkan apabila **MBPJ** berpendapat bahawa paparan iklan tersebut tidak selamat atau tidak sesuai lagi.

10.0 PENGAWALAN KANDUNGAN PAPARAN IKLAN

- (i) **MBPJ** selaku penyedia ruang paparan iklan di perteduhan bas memegang hak untuk memeriksa setiap kandungan iklan yang disewa sebelum sebarang proses pemasangan dibuat dan hak untuk menerima atau menolak kandungan iklan yang ingin dipaparkan di ruang iklan perteduhan bas oleh Syarikat Pengiklanan yang dilantik.
- (ii) **Syarikat** yang dilantik perlulah mendapatkan ulasan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka terlebih dahulu berkaitan kandungan paparan iklan yang telah disediakan.
- (iii) **Syarikat** perlu memohon Lesen Iklan daripada Jabatan Perlesenan MBPJ. Satu salinan Permit yang telah diluluskan dan dikeluarkan perlulah diserahkan kepada MBPJ sebelum kerja-kerja dijalankan.

11.0 ADUAN BERKAITAN PAPARAN IKLAN

- (i) Sebarang aduan yang dikemukakan oleh pengguna berkenaan paparan iklan di ruang paparan iklan perteduhan bas perlu melalui Unit Aduan terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan dibuat.
- (ii) **MBPJ** sebagai penyedia ruang paparan iklan di perteduhan bas akan menerima aduan yang dikemukakan oleh pengadu untuk tujuan siasatan terlebih dahulu.
- (iii) **Syarikat** yang dilantik bertanggungjawab terhadap setiap aduan yang diterima berkaitan paparan iklan dan sebarang kerosakan di perteduhan bas.

12.0 POTONGAN DAN PENALTI

- (i) **Syarikat** di dalam keadaan di mana kerja-kerja kontrak yang dilaksanakan adalah kurang memuaskan dari aspek **pelaksanaan pematuhan Syarat-Syarat Kontrak Tawaran** akan menyebabkan **MBPJ** bertindak dalam apa cara sekalipun dalam memastikan pelaksanaan pematuhan Syarat-Syarat Kontrak Tawaran dilaksanakan. Dimana kerja-kerja yang dilakukan oleh **Syarikat** adalah didapati tidak memuaskan dari aspek **pematuhan Syarat-Syarat Kontrak Tawaran** seperti yang diperuntukan dibawah **Perjanjian** ini dan **MBPJ** tidak bercadang untuk menganggap perbuatan **Syarikat** tersebut sebagai pecah syarat yang boleh mengakibatkan **Perjanjian** ini ditamatkan, **MBPJ** berhak **mengenakan penalti** kepada **Syarikat** seperti yang ditunjukkan di bawah **Jadual Kadar Potongan Dan Penalti**.
- (ii) Jumlah penalti tersebut adalah termasuk jumlah kos atau perbelanjaan yang **MBPJ** belanjakan bagi melakukan kerja-kerja kontrak yang tidak memenuhi keperluan **Perjanjian** ini dan **MBPJ** boleh membuat potongan terhadap Deposit Sewa Ruang Paparan Iklan **Syarikat** akibat daripada denda / penalti yang dikenakan ini.
- (iii) Kegagalan pihak **Syarikat** yang menjalankan kerja-kerja di bawah seliaan **MBPJ** mengikut spesifikasi di dalam **Syarat-Syarat Kontrak Tawaran** yang telah ditetapkan oleh Majlis akan menyebabkan tindakan pemotongan pembayaran dikenakan. **MBPJ** akan mengenakan tindakan penalti mengikut kadar yang telah ditetapkan seperti jadual berikut :-

Jadual Kadar Potongan Dan Penalti.

BIL	KETIDAKPATUHAN	DIKENAKAN TERHADAP	JUMLAH PENALTI (RM)
1.	Struktur perteduhan bas tidak diselenggara dengan baik termasuk bumbung, bangku, lantai, railing/boulard dan lampu/elektrikal.	Syarikat	500 / perteduhan bas
2.	Ruangan iklan tidak diselenggara dengan baik termasuk ruangan iklan di atas bumbung.	Syarikat	500 / perteduhan bas
3.	Kegagalan mengambil tindakan ke atas aduan dalam tempoh 2 minggu.	Syarikat	1,000 / perteduhan bas
4.	Kegagalan mematuhi arahan yang dikeluarkan MBPJ dari masa ke semasa dan perkara-perkara yang tertakluk di dalam Syarat-Syarat Kontrak Tawaran Penyewaan Ruang Paparan Iklan Di Perteduhan Bas Majlis Bandaraya Petaling Jaya.	Syarikat	1,000

13.0 LAIN-LAIN SYARAT

- (i) **Syarikat** yang dilantik tertakluk kepada undang-undang berkaitan paparan iklan yang digunapakai oleh **MBPJ**.
- (ii) **Syarikat** yang dilantik juga perlu merujuk dan mematuhi sebarang garis panduan yang sedang digunapakai oleh **MBPJ** berkaitan paparan iklan.
- (iii) Iklan yang dipamerkan juga perlulah mengikut syarat-syarat yang tertakluk di dalam Undang-undang Kecil Iklan MBPJ.
- (iv) Jika iklan yang dipasang melibatkan penggunaan elektrik, **Syarikat** bertanggungjawab terhadap segala kos berkaitan pemasangan dan penggunaan elektrik di perteduhan bas tersebut.
- (v) **Syarikat** perlu mengikut semua prosedur seperti mengemukakan dokumen permohonan kepada Jabatan berkaitan dan menyerahkan satu salinan kelulusan kepada MBPJ. Sekiranya syarat-syarat tersebut dilanggar, **MBPJ** berhak membatalkan semua kelulusan dan mengambil semula tapak dan menguatkuasakan undang-undang dengan meruntuhkan struktur paparan iklan terbabit.
- (vi) Semua permohonan paparan iklan di perteduhan bas yang melibatkan panel perteduhan bas, pemasangan LED panel, pemasangan iklan di bumbung perteduhan bas dan lain-lain berkaitan paparan iklan di perteduhan bas hendaklah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (Jabatan Perancangan Pembangunan), Permit Struktur (Jabatan Kawalan Bangunan) dan Lesen Iklan (Jabatan Perlesenan) dari pihak **MBPJ** serta menjelaskan bayaran-bayaran yang ditetapkan.
- (vii) Aktiviti-aktiviti pengiklanan hanya dibenarkan fokus kepada ruang panel dan iklan di atas bumbung perteduhan bas sahaja (Sila rujuk Dokumen A3 : Gambarajah Ruang Iklan Perteduhan Bas).
- (viii) **Syarikat** perlu mengemukakan kepada **MBPJ** pelan ilustrasi paparan iklan bagi setiap jenis perteduhan bas berdasarkan pakej yang dipilih.

DOKUMEN A2 :
SENARAI PERTEDUHAN BAS (45 UNIT - PAKEJ 4)






SENARAI PERTEDUHAN BAS (45 UNIT - PAKEJ 4).

NO	ID	KAWASAN	GAMBAR TAPAK	NAMA JALAN	LOKASI	PANEL	KOORDINAT
